

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

PERSPEKTIF LUKISAN *KOOLAM* DARI SEGI ILUSTRASI DI BANDAR SUNGAI PETANI, KEDAH

THE ART OF *KOOLAM* IN SUNGAI PETANI, KEDAH - ILLUSTRATION PERSPECTIVE

Ananthan Nagu ¹

Senpagam Gurusamy ²

¹Pensyarah, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah, Malaysia / Lecture, Institute of Teacher Education Sultan Abdul Halim Campus, Kedah, Malaysia

Email: anandnagu2000@yahoo.com

²Pensyarah, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah, Malaysia / Lecture, Institute of Teacher Education Sultan Abdul Halim Campus, Kedah, Malaysia

Email: senpaanad@yahoo.com

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/06>

Abstrak

Koolam merupakan lukisan lantai yang amat popular dalam kalangan masyarakat India. Lukisan *Koolam* bukan melibatkan hiasan semata-mata malah ia merupakan media komunikasi. Dalam kajian ini, lukisan *Koolam* dikaji dari perspektif ilustrasi. Kajian dijalankan di bandar Sungai Petani, Kedah. *Koolam* yang menjadi sampel kajian ialah *Koolam* asas yang diperbuat daripada serbuk beras dengan menggunakan pergerakan tangan yang spontan. Metod yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kaedah aspek Grounded Theory (teori asas), Phenomenology (fenomenologi), Content Analysis (analisis kandungan), Textual Analysis (analisis teks) dan Semiotics (semiotik). Dapatan kajian membuktikan bahawa *Koolam-Koolam* asas di bandar Sungai Petani dimulakan dengan titik. Titik ini disamakan dengan 'pottu', iaitu tanda yang terdapat pada dahi kaum wanita India. Titik-titik pada kolam kemudian disatukan agar berbentuk pelbagai jenis garisan yang kemudiannya membentuk *Koolam* dua dimensi dan tiga dimensi. *Koolam-Koolam* di Sungai Petani terdiri daripada unsur seni, iaitu ruang, warna asas dan tekstur yang sempurna. Prinsip asas yang terdiri daripada corak, pergerakan, keseimbangan, proposi, harmoni dan penekanan dalam lukisan kolam jelas kelihatan pada *Koolam-Koolam* di bandar Sungai Petani, Kedah. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan dan pengalaman baharu kepada generasi baharu yang hanya melihat *Koolam* sebagai lukisan perhiasan.

KataKunci: *Koolam*, ilustrasi, perspektif, unsur seni

Abstract

Koolam is a form of drawing that is done on the floor and is very popular in the Indian community. It is not merely meant to be decoration, but a form of communication. In this study, *Koolam* is researched from the illustration perspective. The study is carried out in Sungai Petani, Kedah. The *Koolams* that are the samples in this research are the basic forms and are drawn with spontaneous hand movements using rice in the form of powder. The method that are used in this study are Grounded Theory (the basic theory), Phenomenology, Content Analysis, Textual Analysis and Semiotic. The findings of the study on the basic '*Koolams*' in the Sungai Petani town shows that they are drawn with a dot. The dot is equated to the dots that are found on the Indian women's forehead, which is known as the *Pottu*. These dots are then joined with various lines, that will form two or three dimensional *Koolams*. They also contain the art elements, which are the space, basic colours, and the perfect structure. Furthermore, the basic principles such as pattern, movement, balance, proportion, harmony, and emphasis are obvious in the *Koolams* that are found in the Sungai Petani, town in Kedah. This research was carried out with the aim of giving exposure and experience to the new generation, so that it is not just seen as a piece of decorative art.

Keywords: Illustration, *Koolam*, perspective, drawing, art element.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 05th November 2018, revised 18th November 2018, accepted 30th November 2018

Pengenalan

Lukisan *Koolam* ialah aktiviti tradisi yang dilukis oleh masyarakat India di bahagian lantai di hadapan rumah. Aktiviti ini berasal dari India. Lukisan *Koolam* mencerminkan kecantikan, pergerakan dan reka bentuk. *Koolam* dianggap satu hasil karya yang suci yang dihasilkan oleh kaum wanita. Sudah menjadi kepercayaan bahawa lukisan *Koolam* yang dihasilkan pada waktu pagi dan petang akan membawa rahmat kepada si pelukis dan juga ahli keluarganya. *Koolam* juga dikatakan akan membawa tuah pada waktu pagi dan dapat menceriakan suasana di sekeliling.


Sejarah Lukisan Kolam

Sejarah *Koolam* amat susah untuk dikenal pasti. Tiada bukti yang kukuh dapat membuktikan kewujudannya dengan jelas. Menurut Suresh(2003)¹ penguasaan *Koolam* ini telah dipraktikkan

oleh masyarakat yang hidup semasa Tamadun Lembah Hindus. Kavitha (2006)² pula mengatakan bahawa *Koolam* juga telah dipraktikkan semasa Tamadun Sumaria. Menurut Epik Mahabharata, *Koolam* biasanya dihasilkan oleh pengembala lembu (kaum wanita) yang amat merindui dewa Krishna semasa ketiadaannya (Chesky & Wolfmeyer, 2015)³. Menurut Vatsyayana, iaitu penulis terkemuka Kamasutra lukisan *Koolam* telah tersenarai sebagai salah satu aspek kesenian yang terindah dalam kebudayaan India (Claus, Diamond & Mills, 2003)⁴.

Latar Belakang Sejarah *Koolam*

Reka bentuk *Koolam* yang diamalkan di India berbeza-beza mengikut kawasan. Ia juga dikenali dengan nama yang berlainan. Di Brindawan *Koolam* dikenali dengan nama “*sanjhi*”, di Rajasthan pula dikenali sebagai “*mandana*”. Di Karnataka pula ia dikenali dengan “*rangavalli*”. Kajian mengenai reka bentuk *Koolam* secara menyeluruh kebanyakannya telah dilaksanakan di Tamil Nadu, iaitu bahagian selatan India (Suresh, 2003)¹. Kebanyakan *Koolam* yang dilukiskan di bandar Sungai Petani, Kedah kini merupakan ilham dari Tamil Nadu, India. Contoh-contoh *Koolam* (Gambar 1) yang ditemui di Daerah Sungai Petani, Kedah dapat dilihat di ruangan bawah.



Gambar 1: Contoh-contoh *Koolam*

Koolam yang bersifat sementara amat popular di Sungai Petani, Kedah. *Koolam* dilukis dengan tangan, dengan bantuan alatan seperti tepung beras, kapur, pinggan dan pewarna. Lukisan *Koolam* boleh diperbaharu setiap hari ataupun hanya dilukis pada hari-hari tertentu sahaja. *Koolam* yang dilukis oleh kaum wanita bersifat spontan bercirikan alam sekitar. Alat-alat yang digunakan untuk membuat lukisan *Koolam* di negara kita adalah seperti yang berikut (Gambar 2 dan 3):



Gambar 2: Tepung beras



Gambar 3: Pewarna

Jantina, faktor usia, minat, keadaan psikologi, masa, ruang, profesion, keadaan ekonomi, keadaan kesihatan, taraf pendidikan dan amalan kepercayaan serta agama mempengaruhi kemenjadian sesuatu *Koolam*. Contohnya, golongan remaja lebih suka membuat *Koolam* yang rumit dan berwarna-warni berbanding dengan golongan yang lewat usianya. Begitu juga *Koolam* yang dihias dengan batu permata memerlukan belanja yang tinggi dan ia kebanyakannya diminati oleh golongan kaya.

Koolam yang menjadi topik kajian ialah *Koolam* asas, iaitu *Koolam* yang dilukis dengan tangan. *Koolam* yang dilukis dengan tangan ini memerlukan pergerakan yang cepat, pergerakan tangan perlu lebih pantas dan spontan daripada perjalanan kognitif. Hal ini ialah bukti lukisan *Koolam* ini melibatkan daya pemikiran, visual dan proses kemenjadian.

Setiap *Koolam* yang dilukis di atas lantai merupakan media komunikasi dan ia kebiasaannya akan membawa satu mesej. Analisis penghasilan *Koolam* dapat dilakukan berdasarkan tiga elemen iaitu:

- i. Ilustrasi – Reka bentuk *Koolam*
- ii. Naratif – Faktor kemenjadian *Koolam*
- iii. Metafora – Berdasarkan adat resam dan kepercayaan

Kajian ini melibatkan analisis lukisan *Koolam* di Sungai Petani, Kedah dari segi ilustrasi dan ia melibatkan *Koolam* dengan hasil pergerakan tangan.

Permasalahan Kajian

Kajian mengenai *Koolam* ini telah dilaksanakan oleh beberapa orang pengkaji tetapi skop kajiannya sangat terbatas. Kajian yang telah dijalankan Laine (2009)⁵ dan Nagarajan (1998)⁶ melihat peranan *Koolam* dalam kehidupan wanita. Smirth (2013)⁷ mengkaji kolam dari aspek naratif dan metafora yang melibatkan upacara adat resam dan keagamaan. Kajian ini melibatkan aspek ilustrasi dalam *Koolam* amat jarang dilaksanakan kerana ia memerlukan *Koolam* dilihat dari dimensi yang lain.

Objektif Kajian

Lukisan *Koolam* yang dihasilkan di Sungai Petani, Kedah mencerminkan kreativiti dan inovasi yang dapat dilihat dari aspek ilustrasi.

Persoalan kajian

Sejauh manakah *Koolam* yang dihasilkan di Sungai Petani, Kedah mencerminkan kreativiti dan inovasi yang dapat dilihat dari aspek ilustrasi?

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberikan beberapa pengetahuan baharu dalam bidang kesenian dan kebudayaan masyarakat India di Sungai Petani, Kedah. Antaranya kajian ini membolehkan generasi baharu memahami kesenian tradisi dan membentuk reka bentuk *Koolam* yang baharu yang lebih kreatif dan inovatif. Ia juga dapat mengekalkan tradisi lukisan *Koolam* yang kini semakin pupus. Lukisan *Koolam* membolehkan reka bentuk asli *Koolam* dan imejnya dikaji untuk pembangunan seni tradisi keseluruhannya.

Istilah Operasional

i. *Koolam*

Koolam merupakan satu bentuk lukisan yang dilukis oleh golongan wanita di hadapan rumah. Amalan melukis *Koolam* ini telah dipraktikkan di India sejak turun-temurun. Amalan ini kemudiannya telah dibawa ke Malaysia oleh masyarakat India yang berhijrah dari India. Lukisan *Koolam* ini tidak memerlukan pendidikan yang formal malah ia dilukis secara spontan dengan daya kreativiti masing-masing. *Koolam* yang paling asas hanya dilukis dengan tepung beras yang berwarna putih.

ii. Ilustrasi

Ilustrasi ialah wakil dalam menyampaikan pesan dan idea yang komprehensif. Ia membantu untuk berkomunikasi, memujuk, memaklum, mendidik dan menjelaskan idea-idea. Dalam kajian *Koolam* ini, ilustrasi merujuk penampilan fizikal dan reka bentuk *Koolam* yang dilukis di atas lantai. Ia secara tidak langsung menghuraikan maksud-maksud simbolik yang terdapat pada *Koolam*.

iii. Perspektif


Secara etimologi perspektif berasal daripada perkataan Itali iaitu “prospettiva” yang bererti gambar pandangan (Ahmad Marzukhi Monir, 2018)⁸. Perspektif atau sudut pandangan merupakan cara kita melihat sesuatu masalah atau melihat sesuatu fenomena. Dalam kajian ini *Koolam* dilihat bukan sahaja lukisan perhiasan malah ia dikaji dari aspek unsur seni.

iv. Unsur Seni

Terdapat 6 elemen seni dalam pendidikan seni visual iaitu garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna. Kesemua elemen ini amat penting dalam penghasilan sesuatu karya. Unsur seni ini juga memainkan peranan penting dalam menganalisis *Koolam* di Sungai Petani.

Metod Kajian

Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif. Kajian ilustrasi *Koolam* dianalisis dari aspek *Grounded Theory* (teori asas), *Phenomenology* (fenomenologi), *Content Analysis* (analisis kandungan), *Textual Analysis* (analisis teks) dan *Semiotics* (semiotik). *Grounded Theory* melibatkan metod seperti temuramah, pemerhatian dan koleksi data. *Phenomenology* pula ialah kaedah yang mengambil kira pengalaman individu, iaitu cita rasa, kreativiti, imaginasi dan emosi (Vanderstoep & Johnston, 2009)⁹. Analisis kandungan bermaksud analisis data yang diperolehi untuk membuat perancangan, mengorganisasi dan mendapatkan keputusan (Schreier, 2012)¹⁰. Analisis teks pula merujuk interpretasi data verbal dan bukan verbal yang sah dan dapat membuat rumusan (Pintchman, 2007)¹¹. *Semiotic* pula bermaksud simbol, iaitu titik, garisan dan reka bentuk yang mempunyai maksud tertentu yang boleh dijadikan media komunikasi. Rajah 1 di bawah merupakan kerangka kajian ilustrasi lukisan *Koolam* di bandar Sungai Petani, Kedah.



Rajah 1. Kerangka kajian ilustrasi lukisan Koolam di bandar Sungai Petani, Kedah.

Dapatan Kajian

Analisis Koolam

Analisis *Koolam* dilihat dari aspek ilustrasi. Ilustrasi bermakna *Koolam* dikupas dari aspek reka bentuk. Reka bentuk bermaksud *Koolam* dilihat dari perspektif titik (dot/point), garisan, bentuk, ruang, warna, tekstur, dan merancang prinsip.

1. Reka Bentuk Kolam

Bahasa ialah alat berinteraksi manusia antara satu sama lain dalam sesuatu komuniti. Bahasa mengandungi beberapa elemen, iaitu simbol, perkataan dan hukum-hukum bahasa. Simbol, perkataan dan hukum-hukum bahasa ini akan membentuk ayat yang bermakna. Lukisan *Koolam* juga merupakan alat interaksi yang terdiri daripada simbol yang bermakna (Ragans, 2005)¹². Makna dalam lukisan *Koolam* terdiri daripada titik (dot/point), garisan, bentuk, ruang, warna, tekstur, dan prinsip.


1.1 Titik (dot/point)

Titik (dot/point) dianggap sebagai ibu atau asas kepada semua jenis karya seni. Dalam membentuk *Koolam*, dot(*pulli*) merupakan elemen asas yang perlu dilukis dahulu. *Koolam* yang dilukis dengan titik terlebih dahulu dinamakan *pullikolam*. Jumlah titik (dot) yang dilukis sebenarnya akan menentukan saiz dan komplikasi kolam berkenaan. Titik-titik yang terdapat

pada *Koolam* adalah gambaran *pottu* atau tanda titik yang terdapat pada dahi wanita-wanita keturunan India. Gambar 4 di bawah merujuk *pulliKoolam* dan tanda *pottu* (Gambar 5) yang terdapat pada dahi wanita India.



Gambar 4: PulliKoolam



Gambar 5: Pottu

Pottu diletakkan di tengah-tengah dahi, iaitu di pertemuan dua belah kening mata. Begitu juga *Koolam* kebiasannya akan dilukiskan di ruang tengah sebelum masuk ke dalam rumah. Pintu masuk merupakan ruang penting untuk memasuki rumah.

1.2 Garisan

Menurut Ragans(2005)¹² “*The line, which functions as the contour of the kolam design, is the most important element of Koolam*”. Garisan ini akan menyambungkan satu titik dengan titik yang lain yang terdapat pada *Koolam*. Garisan-garisan ini memainkan peranan penting dalam mengenali maksud tersirat pada *Koolam*. Garisan-garisan yang digunakan dalam lukisan *Koolam* adalah seperti berikut:


- Garis lurus (straight lines)
- Garisan lengkung (curved lines)
- Garisan lingkaran(circle lines)
- Garisan menegak (vertical lines)
- Garisan mendatar (horizontal lines)
- Garisan zigzag (zigzag lines)
- Garisan beralun (wavy line)
- Garisan pendek dan panjang (short and long line)

Penggunaan garisan ini bergantung kepada saiz *Koolam* dan ketebalan *Koolam*. Garisan ini terdiri daripada garisan tunggal dan garisan pelbagai. Pada hari-hari biasa hanya *Koolam* dengan garisan tunggal yang sering dilukis. Kebiasaannya ia terdiri daripada 8 garisan sahaja. Pada hari kebesaran ataupun hari perayaan *Koolam* dilukis dengan pelbagai garisan. Saiz *Koolam* yang besar menandakan kepentingan dan kemegahan upacara yang akan diadakan.

Gambar menunjukkan *Koolam* yang dilukis pada hari kebiasaan (Gambar 6) dan pada hari kebesaran (Gambar 7).



Gambar 6: *Koolam* hari kebiasaan



Gambar 7: *Koolam* hari kebesaran

Dalam komuniti tertentu di India, lukisan *Koolam* yang mengandungi garisan ganjil tidak akan digunakan. Mengikut fahaman mereka garisan ganjil yang terdapat pada *Koolam* akan membawa malapetaka pada keluarga dan rumah berkenaan (Raghavan, 2012)¹³. Lukisan *Koolam* dengan garisan ganjil juga tidak digalakkan pada majlis-majlis keagamaan.

1.3 Rupa Bentuk

Koolam dilukis dalam 2 dimensi. Rupa bentuk *Koolam* terdiri daripada bulatan, persegi, segi tiga, bujur, segi empat tepat dan sebagainya. *Koolam* dilukis dengan garisan yang tebal terlebih dahulu (rangka) dan di dalamnya diisi dengan tepung beras yang mengandungi pelbagai warna. Terdapat dua pendekatan dalam reka bentuk *Koolam*, iaitu bentuk geometri dan bentuk bebas. Gambar 8 dan 9 menunjukkan bentuk-bentuk reka bentuk *Koolam* yang berbeza di Sungai Petani, Kedah.



Gambar 8: Rupa bentuk geometri



Gambar 9: Rupa bentuk bebas/organik

1.4 Pembentukan *Koolam*

Pembentukan *Koolam* daripada 2 dimensi kepada 3 dimensi dinamakan pembentukan *Koolam*. Ia juga disebut sebagai ilusi. Ilusi ini dibentuk daripada pelbagai garisan yang disambungkan rupa yang lebih kompleks (Muthikrishnan, 2008)¹⁴. Garisan yang bertindih, saiz yang berbeza, aspek penumpuan yang berbeza akan menghasilkan ilusi yang menarik (Gambar 10).



Gambar 10: Koolam 2 dimensi kepada 3 dimensi

1.5 Ruang

Ruang dalam *Koolam* (Gambar 11) dimaksudkan dengan kekosongan. Ruang ini boleh terdiri daripada ruang di atas, di bawah, di dalam objek, di antara objek dan sebagainya (Ragans, 2005)¹². Pemilihan ruang untuk melukis *Koolam* harus diberi perhatian. *Koolam* tertentu hanya dibolehkan untuk dilukis di bahagian *Akam*, iaitu ruang dalam rumah. Kebiasannya *Koolam* jenis ini agak kecil kerana ruang dalam rumah yang kecil. Ruang *Puram* pula merujuk halaman rumah atau luar rumah. *Koolam* yang dibentuk di luar rumah pula lebih besar dan lebih kompleks.

Koolam juga mempunyai maksud tersirat. *Koolam* yang dilukis di dalam rumah (Gambar 13) dapat melahirkan tanda perlindungan, kesucian rohani dan menjamin perlindungan ahli keluarga. Lukisan *Koolam* dengan garis-garis yang erat dan kompleks menandakan keakraban ahli-ahli keluarga. *Koolam* yang dilukis di luar rumah pula menandakan kebajikan, iaitu memberi makanan kepada benda-benda hidup di sekeliling kita. *Koolam* di luar rumah (Gambar 12) pula lebih kepada perhiasan yang boleh menceriakan seseorang individu.

Gambar 11: Ruang dalam *Koolam*Gambar 12: *Koolam* di ruang luarGambar 13: *Koolam* di ruang dalam

1.6 Warna

Warna asal *Koolam* ialah warna putih, iaitu warna asal tepung beras (Gambar 14). *Koolam* kebiasannya dilukis pada dasar yang gelap contohnya seperti simen. Di India *Koolam* dilukis pada tanah yang telah dilumur dengan tahi lembu. Kadangkala warna merah digunakan untuk perhiasan dan menarik perhatian.

Gambar 14: Warna asal *Koolam* (putih)

1.7 Tekstur/Jalanan

Tekstur memainkan peranan penting untuk memberikan pengertian pada *Koolam*. Tekstur *Koolam* membolehkan seseorang memahami inti pati *Koolam*. Tekstur *Koolam* ditentukan oleh titik dan garisan pada kolam (Gambar 15).



Gambar 15: Tekstur Kolam

1.8 Merangka Prinsip di *Koolam*

a. Rhythm (irama)

Dalam kesenian reka bentuk yang dihasilkan dapat mewujudkan ilusi pergerakan. Ilusi pergerakan ini dinamakan *rhythm* (irama). Irama ini dibentuk dengan menggunakan teknik pengulangan unsur-unsur dan objek yang berlainan. Gambar 16 di bawah menerangkan pengulangan unsur-unsur yang terdapat pada bahagian-bahagian *Koolam* yang berlainan.



Gambar 16: Irama dalam kolam

b. Corak (Pattern)


Corak mendominasi lukisan *Koolam*. Corak pada *Koolam* yang diulang-ulang untuk mencipta reka bentuk yang baharu (Gambar 17). Corak-corak *Koolam* ini terdiri daripada motif-motif yang mempunyai maksud yang tersendiri.



Gambar 17: Corak berulang

c. Pergerakan (movement)

Pergerakan bermaksud pergerakan pada mata. Reka bentuk dengan corak yang berulang akan kawal pergerakan mata (Gambar 18). Pergerakan mata akan menentukan kesempurnaan pada *Koolam*.

Gambar 18: Pergerakan dalam *Koolam*

d. Keseimbangan (balance)

Keseimbangan dalam *Koolam* merujuk visual, tema, daya dan reka bentuk. Keseimbangan simetri dan radial terdapat di dalamnya. Gambar 19 di bawah merujuk *Koolam* dengan keseimbangan simetri.

Gambar 19: Keseimbangan dalam *Koolam*

e. Proposi (proportion)

Perkadaran dilihat daripada kualiti dan kuantiti elemen-elemen *Koolam* yang terdiri daripada titik, reka bentuk, corak, alunan dan garisan. Keseimbangan dalam semua unsur ini akan menghasilkan *Koolam* yang sempurna (Gambar 20).



Gambar 20: Proposi dalam *Koolam*

f. Pelbagai (Variety)

Kepelbagaian *Koolam* merujuk jenis-jenis *Koolam* yang dilukis dengan pelbagai media yang berasingan. Kepelbagaian *Koolam* ini akan mengembangkan daya kreativiti seseorang. Ia dapat menarik perhatian penonton. Kepelbagaian *Koolam* (Gambar 21) ini ialah integrasi yang lahir daripada pelbagai tema, bentuk, saiz, gaya dan prinsip.



Gambar 21: Kepelbagaian dalam *Koolam*

g. Harmoni (harmony)

Harmoni merujuk susunan berurutan dan warna yang digunakan dalam *Koolam*. Warna yang harmoni dipilih untuk menghasilkan *Koolam* adalah seperti kuning, hijau dan biru / merah, kuning dan jingga/ ungu, biru dan hijau. *Koolam* yang harmoni ini akan menenangkan pemerhatian (Gambar 22) dan menyerlahkan kreativiti pelukisnya.



Gambar 22: Harmoni dalam *Koolam*

h. Penegasan (Emphasis)

Penegasan (emphasis) merujuk pendekatan. Pendekatan pertama adalah dari segi penampilan fizikal *Koolam* (Gambar 23). Penampilan fizikal *Koolam* ini memperlihatkan kreatif dan inovatif pelukisnya. Pendekatan kedua pula berdasarkan pergantungan pada acara, perayaan atau upacara keagamaan yang penting, iaitu *Koolam* dilukis.



Gambar 23: Penegasan dalam *Koolam*

Rumusan

Kajian ini memberikan satu perpektif baharu dalam menganalisis keunikan *Koolam*. *Koolam* biasanya dinilai dari aspek kecantikan dan kekemasan. Jarang sekali dilihat dari aspek ilustrasi. Lukisan *Koolam* dari perspektif ilustrasi ini memberikan pengalaman baharu kepada pembaca. Di samping itu generasi muda dapat mengenali kebudayaan dan warisan tradisi agar tidak pupus. Warisan tradisi ini membolehkan generasi baharu mengenali maksud-maksud tersurat dan tersirat yang terdapat pada *Koolam*.

Rujukan

1. Suresh, S. (2003). *Colourful tradition*. Chennai: The Hindu. Retrieved from <http://www.thehindu.com/thehindu/mp/2003/01/07/stories/2003010700050200.htm>
2. Kavita. (2006). *Read between the lines*. Madurai: The Hindu
3. Chesky, N. Z., & Wolfmeyer, M. R. (2015). *Philosophy of STEM education: A critical investigation*. New York: Palgrave MacMillan
4. Claus, P. J., Diamond, S., & Mills, M. A. (2003). *South Asian folklore: An encyclopedia : Afghanistan, Bangladesh, India, Nepal, Pakistan, Sri Lanka*. New York: Routledge.
5. Laine, A. (2013). *Kolam patterns as materialisation and embodiment of rhythms*. *Anthrovision*, 2-11.
6. Nagarajan, V. R. (1998). *Hosting the divine: The kolam as ritual, art and ecology in Tamil Nadu, India*. Berkeley: University of California.
7. Smirth, A. (2013). *Kolam patterns as materialisation and embodiment of rhythms*. Utrecht: Universiteit Utrecht.
8. Ahmad Marzuki Monir (2018). *Simple projection of prospective painting - dot (Unjuran mudah lukisan perspektif 1 – titik)*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
9. Vanderstoep, S. W., & Johnston, D. D. (2009). *Research methods for everyday life: Blending qualitative and quantitative approaches*. San Francisco: Jossey-Bass.
10. Schreier, M. (2012). *Qualitative content analysis in practice*. Sage.
11. Pintchman, T. (2007). *Women's lives, women's rituals in the Hindu traditions*. Chicago: Loyola University Chicago.
12. Ragans, R. (2005). *Arttalk*. New York: Glencoe/McGraw-Hill.
13. Raghavan. (2012, June 3). *Kolam preparation in traditional Hindu families*. (B. K. C, Interviewer)
14. Muthikrishnan, V. (2008). *My kolam*. Retrieved from mykolam.blogspot.in: <http://mykolam.blogspot.in/2011/12/dotted-padi-kolam.html>

Citation in Malay

Ananthan Nagu & Senpagam Gurusamy. (2019). Perspektif lukisan *Koolam* dari segi ilustrasi di Bandar Sungai Petani, Kedah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 61-76. <https://doi.org/10.33306/mjssh/06>

Citation in English

Ananthan Nagu & Senpagam Gurusamy. (2019). The art of *Koolam* in Sungai Petani, Kedah - Illustration perspective. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 61-76. <https://doi.org/10.33306/mjssh/06>